

6 industri \$2,760 dirancang

KERAJAAN akan melaksanakan enam projek raksaksa di bidang industri berat bermodal \$2,760 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-4 (RME), demikian diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan, projek-projek itu menambah dua projek raksaksa yang telah ditetapkan, iaitu projek perusahaan petroleum di Bintulu dan Dungun.

Menurutnya, sebuah dari enam projek itu ialah kilang besi yang diwujudkan bagi memproses bijih besi bermodal \$500 juta. Tempatnya masih belum ditentukan lagi.

Dalam satu temuramah dengan akhbar bulanan "UMNO Malaysia, MERDEKA", beliau menambah, selain dari itu, Kerajaan juga akan mewujudkan lebih banyak lagi kilang di kawasan yang mempunyai kadar pengangguran yang tinggi.

"Selaras dengan usaha Kerajaan memasuki bidang industri berat ini, lebih ramai lagi pekerja mahir dan terlatih akan diperlukan. Rancangan latihan bagi mencapai maksud ini akan dipikat.

"Tumpuan yang lebih akan diberikan kepada mata-mata pelajaran teknikal dan pengurusan peragaan di semua institusi pelajaran di bawah RME," jelasnya.

Lima lagi projek industri berat itu ialah: Empat kilang simen bermodal \$300 juta tiap-tiap satu. Dua buah darinya akan dibina di Perak sementara sebuah di Pahang dan sebuah di Kedah.

Sebuah kilang memproses alumina bermodal \$600 juta dibina di Bintulu; Sebuah kilang membuat kepingan besi berharga \$400 juta di Johor.

Sebuah kilang membu-

at barang-barang dari logam bermodal \$60 juta. Tempatnya masih belum ditentukan jumlah modal dan tempatnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, kesemua enam projek itu akan dimiliki sebahagiannya oleh Kerajaan dan dikanalalkan oleh berbagai agensi Kerajaan seperti PETRONAS dan PERNAS.

Pinjaman

Bellau menjelaskan sebahagian besar wang modalnya akan diperolehi dari pinjaman luar negeri.

Katanya, RME merupakan permulaan bagi Malaysia memasuki lapangan industri besar yang menggunakan modal yang banyak.

Bellau berharap golongan bella khususnya Bumiputera akan melengkapkan diri mereka dengan kepakaran bagi yang diperlukan bagi membolehkan mereka menyertai industri yang menggunakan teknologi moden.

"Saya harap akan dapat melihat bertampan banyu penyertaan Bumiputera dalam bidang perusahaan kecil

dan pertengahan dalam tempuh pelaksanaan RME kelak.

"Tunjuk ini adalah penting diperluas kegiatan institusi-institusi latihan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara bagi melatih para usahawan di bidang pengurusan. Ini perlu dibuat kerana pengalaman di masa lepas menunjukkan banyak modal Bumiputera hilang begitu sahaja kerana kurang kebolehan mengurus," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan Kerajaan juga akan memperkenalkan berbagai jenis perniagaan yang menguntungkan bagi disertai oleh usahawan Bumiputera melalui sistem "franchise".

Bagi meneruskan usaha menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di bawah RME, Kerajaan akan cuba memperkembangkan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 7.5 peratus.

"Di bidang infrastruktur pula, tumpuan akan diberikan terhadap usaha menambah dan melengkapkan perkhidmatan telefon, penerbangan awam, pelabuhan dan pembinaan jalanraya," jelasnya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin

Siri 11.4.52
Penerimaan 2835/